



eRUMAH

<http://erumah.penang.gov.my>

SISTEM MAKLUMAT PERUMAHAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

---

PANDUAN PENGGUNA (ONLINE)

**ISI KANDUNGAN**

| <b>Kandungan</b>               | <b>Muka Surat</b> |
|--------------------------------|-------------------|
| 1.0 PENGENALAN                 | 1                 |
| 2.0 PENGURUSAN AKAUN           | 6                 |
| 3.0 SEMAKAN STATUS             | 9                 |
| 4.0 PENDAFTARAN (PEMOHON BARU) | 13                |
| 5.0 SEMAKAN                    | 24                |

## **1.0 PENGENALAN**

Sistem Pendaftaran Rumah Secara Online (eRumah) dibangunkan bagi meningkatkan kemudahan bagi proses pendaftaran permohonan perumahan sedia ada yang hanya berkonsepkan client-server kepada aplikasi yang berkonsepkan web.

Ianya akan membolehkan pemohon mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dari mana-mana sahaja menerusi internet. Sistem ini akan membolehkan pemohon membuat permohonan bagi rumah PPR, Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik tanpa perlu berurus di kaunter.

### **Modul eRumah**

Sistem eRumah bagi permohonan online dibahagikan kepada 3 kategori pemohon iaitu:

- Pemohon Baru
- Pemohon Sedia Ada
- Pemilik

## Skrin Utama eRumah

The screenshot displays the homepage of the eRumah system. At the top, there's a banner featuring a family and the text "Sebagai sebuah kerajaan berjaya rakyat salah satu keutamaan dasar kerajaan negeri adalah untuk membelakangkan rumah rumah mampu milik yang bermutu untuk golongan tidak berada di Pulau Pinang." Below the banner, there are icons for "BERSIH" (Clean) and "SIHAT" (Healthy). The main content area includes a news section titled "KENYATAAN AKHBAR 15/12/2015" about 18,000 units of housing being built, and links for "BORANG PN1", "BORANG PN2", and "MANUAL PENGGUNA". There are also four boxes for "Perumahan Rakyat", "Perumahan Kos Rendah", "Perumahan Kos Sederhana Rendah", and "Projek Mampu Milik". Each box contains an image of a building complex and a "Paper Syarat" button. The bottom section, "PROJEK AKTIF", shows five progress bars for districts: Seberang Perai Utara (15%), Seberang Perai Tengah (16%), Seberang Perai Selatan (15%), Daerah Barat Daya (16%), and Daerah Timur Laut (16%). Logos for MyGov, JPA, KSN, SPA, and MSC are at the bottom.

Skrin ini adalah skrin utama bagi sistem eRumah yang dibangunkan untuk memudahkan pengguna mengakses sistem ini tanpa perlu berurus di kaunter.

a. Login Pemohon & Pendaftaran/Semak (KP/Status)

- I. Untuk Pengguna baru yang belum mempunyai ID Login untuk membuat pendaftaran.
- II. Pengguna yang pernah mendaftar login pula boleh menyemak terlebih dahulu sama ada mereka terdapat dalam sistem eRumah ini.
- III. Untuk pengguna yang telah mempunyai ID dan Katalaluan boleh terus log masuk di sini.

b. Login Pemaju

- I. Untuk pemaju mendaftarkan permohonan bagi Perumahan Mampu Milik
- II. Pemaju boleh melihat senarai permohonan yang telah mereka daftarkan mengikut projek.

c. Di bahagian bawah skrin terdapat 4 pautan dan bahagian atas skrin mempunyai 2 pautan iaitu :-

- I. Syarat-Syarat Permohonan
  - i. Pengguna boleh mengetahui syarat-syarat permohonan rumah di skrin ini.
  - ii. Syarat-syarat permohonan ini dibahagikan kepada 4 kategori iaitu:
    1. Syarat PPR (Projek Perumahan Rakyat)
    2. Syarat KR (Kos Rendah)
    3. Syarat KSR (Kos Sederhana Rendah)
    4. Syarat MM (Mampu Milik)

## SYARAT PERMOHONAN KR/KSR (KOS RENDAH / KOS SEDERHANA RENDAH)

- 1) Warganegara Malaysia
- 2) Anak kelahiran Pulau Pinang, bekerja di Pulau Pinang dan Pengundi Berdaftar di Pulau Pinang atau bermastautin sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh permohonan dan Pengundi Berdaftar di Pulau Pinang
- 3) Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan
- 4) Pendapatan Tidak melebihi RM 2,500.00 Untuk Kos Rendah (Suami dan Isteri)
- 5) Pendapatan Tidak Melebihi RM 3,500.00 Untuk Kos Sederhana Rendah (Suami dan Isteri)
- 6) Bagi permohonan Rumah Kos Rendah/Sederhana Rendah, pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah di mana-mana negeri di Malaysia

**II. Senarai Projek Aktif**

- i. Menyenaraikan semua projek aktif KR/KSR/MM
- ii. Projek Aktif ini dikategorikan mengikut daerah yang telah ditetapkan iaitu:
  1. Seberang Perai Tengah
  2. Seberang Perai Utara
  3. Seberang Perai Selatan
  4. Daerah Barat Daya
  5. Daerah Timur Laut
- iii. Angka yang ditunjukkan di sebelah daerah itu adalah bilangan projek yang masih aktif.
- iv. Klik pada nama daerah yang mempunyai projek aktif untuk menyenaraikan semua projek aktif di bawah daerah tersebut.

| SENARAI PROJEK AKTIF   |        |
|------------------------|--------|
| SEBERANG PERAI TENGAH  | ( 10 ) |
| SEBERANG PERAI UTARA   | ( 2 )  |
| SEBERANG PERAI SELATAN | ( 0 )  |
| DAERAH TIMUR LAUT      | ( 0 )  |
| DAERAH BARAT DAYA      | ( 0 )  |

**v. Skrin Terperinci Maklumat Projek Aktif**

1. Melalui skrin ini pengguna boleh mengetahui dengan lebih terperinci mengenai projek yang ditawarkan.

| TAMAN NEW PROJECT 3 |  |
|---------------------|--|
| Alamat              | JALAN TEST 3<br>TEST 3<br>12500 PULAU PINANG   |
| Jenis Rumah         | RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH (MAKSIMA RM72,500 ) |
| Kategori Rumah      | RUMAH TOWN HOUSE                               |

**III. Berjaya Tawaran**

- i. Melalui skrin ini, pengguna dapat melihat secara telus, senarai nama pemohon yang berjaya ditawar untuk setiap projek perumahan
- ii. Bagi pemohon berjaya, maklumat lanjut tawaran boleh diperolehi apabila login ke dalam sistem


**PPR / SEBERANG PERAI TENGAH / TAMAN ALOR JAYA PPR 2**

| Bil | Nama  | No. KP       |
|-----|-------|--------------|
| 1   | SAMMI | 83061305**** |
| 2   | KEONG | 564****      |
| 3   | GIGI  | 43****       |
| 4   | asas  | 455****      |


## 2.0 PENGURUSAN AKAUN

### 2.1 LUPA KATALALUAN

Dari laman utama, sila klik pada pautan berikut untuk membuat semakan permohonan / login semakan borang dan status:



Sekiranya lupa kata laluan, sila klik **Lupa Kata Laluan** dari skrin semakan/login pemohon:




Pengguna mempunyai 2 pilihan untuk proses lupa kata laluan ini :

a. Melalui Email

- Sila masukkan maklumat di ruangan berikut:
  - ID (No. Kad Pengenalan) - Sila masukkan No. KP anda.  
Cth: 811111012001

2. Email - Sila masukkan email yang anda gunakan semasa daftar borang melalui web.
  - ii. Klik Submit untuk paparan skrin Reset Kata Laluan.
- b. Melalui Soalan Rahsia
- i. Sila masukkan maklumat di ruangan berikut:
    1. ID (No Kad Pengenalan) - Sila masukkan No KP anda. Cth: 811111012001
    2. Soalan Rahsia - Sila pilih dari senarai, soalan yang didaftar semasa daftar borang online.
    3. Jawapan - Sila masukkan jawapan yang anda gunakan semasa daftar borang melalui web.
  - ii. Klik Hantar untuk paparan skrin Reset Kata Laluan.

Contoh paparan katalaluan yang telah direset, sila copy katalaluan tersebut untuk login ke dalam sistem :



## 2.2 RESET KATALALUAN

Skrin reset ini membolehkan katalaluan anda yang terdahulu direset semula supaya boleh digunakan semula untuk memasuki sistem.

**Tukar Katalaluan**

Kata Laluan Lama

Kata Laluan Baru

Kata Laluan Baru (Taip Semula) \*

HANTAR

- a. Sila masukkan maklumat yang diperlukan oleh skrin di atas:
- i. Kata Laluan Lama - Sila masukkan kata laluan lama anda.
  - ii. Kata Laluan Baru - Sila masukkan pilihan kata laluan yang baru.
  - iii. Kata Laluan Baru (Taip Semula) - Taip semula kata laluan yang telah dimasukkan

- b. Klik Hantar. Mesej di bawah akan dipaparkan. Klik OK. Kata laluan anda telah direset dan sistem boleh dimasuki dengan menggunakan kata laluan yang baru.

Berjaya tukar katalaluan. Anda boleh log masuk dengan menggunakan katalaluan baru anda sekarang.

OK


### 3.0 SEMAKAN STATUS PEMOHONAN

Pengguna boleh menyemak terus status permohonan mereka di halaman semakan/login pemohon eRumah iaitu dengan hanya memasukkan No. KP di ruangan berikut:-



Terdapat 7 jenis kes semak status bagi pengguna yang baru memohon rumah dan telah mendaftar dalam sistem eRumah:

- I. Permohonan memohon kali pertama/ tiada rekod di dalam sistem



- II. Permohonan dibuat belum mencapai 14 hari dan pemohon masih belum menghantar dokumen sokongan yang diperlukan. Mesej dipaparkan:

**"Anda mempunyai **14 hari** lagi untuk menghantar dokumen sokongan ke Bahagian Perumahan bagi memproses permohonan anda."**

**Keputusan Semakan Kad Pengenalan :**  
821210015688 / 821210015688 ( SAKONAH ALWI )

Permohonan anda sedang berada di dalam proses :

**DALAM PROSES PENDAFTARAN**

Anda mempunyai **14 hari** lagi untuk menghantar dokumen sokongan ke Bahagian Perumahan bagi memproses permohonan anda.

Sekiranya anda ingin memohon rumah mampu milik, sila lengkapkan borang PN2 dan dihantar ke Bahagian Perumahan.

[Klik di sini untuk Muat turun borang PN2.](#)

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

- III. Permohonan dibuat kurang dari 14 hari dan pemohon telah menghantar dokumen sokongan.

**STATUS PERMOHONAN : DALAM PROSES PENDAFTARAN**

Dokumen sokongan anda telah diterima di Bahagian Perumahan pada **15/02/2009**

Rekod Anda Telah Wujud. Sila klik [di sini](#) untuk **Login**.

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

**Keputusan Semakan Kad Pengenalan :**  
821210015688 / 821210015688 ( SAKONAH ALWI )

Permohonan anda sedang berada di dalam proses :

**DALAM PROSES PENGESAHAN PENDAFTARAN**

Jenis Rumah :

Sekiranya anda ingin membuat permohonan baru, sila lengkapkan borang PN2 dan dihantar ke Bahagian Perumahan.

[Klik di sini untuk Muat turun borang PN2.](#)

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

- IV. Permohonan yang telah disahkan mengikut status dan jenis rumah yang layak

**Keputusan Semakan Kad Pengenalan :**  
821210015688 / 821210015688 ( SAKONAH ALWI )

Permohonan anda sedang berada di dalam proses :

**DALAM SENARAI MENUNGGU**

Jenis Rumah : RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH (MAKSIMA RM72,500 )

Sekiranya anda ingin membuat permohonan baru, sila lengkapkan borang PN2 dan dihantar ke Bahagian Perumahan.

[Klik di sini untuk Muat turun borang PN2.](#)

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

- V. Permohonan dibuat telah melebihi 14 hari dan dokumen sokongan masih belum dihantar ke Bahagian Perumahan.

### STATUS PERMOHONAN : DITOLAK

Permohonan anda TIDAK DAPAT DIPROSES kerana pihak kami tidak menerima dengan lengkap dokumen sokongan yang diperlukan. Sekiranya anda masih berminat untuk memohon, sila berbuat demikian melalui sistem eRumah (<http://erumah.penang.gov.my>) **selepas tempoh 30** hari dari tarikh permohonan. Tarikh Permohonan anda adalah 13/08/2009 dan anda boleh memohon semula pada 12/09/2009

- a. Pemohon tidak dibenarkan ke skrin berikutnya sehingga tempoh 30 hari dari tarikh permohonan tamat dan jika berminat, pengguna perlu mendaftar semula.

Keputusan Semakan Kad Pengenalan :  
880507355036 / 880507355036 ( MUHAMMAD FAISAL BIN GELANI )

Permohonan anda TIDAK DAPAT DIPROSES kerana pihak kami tidak menerima dengan lengkap dokumen sokongan yang diperlukan. Sekiranya anda masih berminat untuk memohon,sila berbuat demikian melalui sistem eRumah (<http://erumah.penang.gov.my>) **selepas tempoh 30** hari dari tarikh permohonan.

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

- VI. Permohonan yang telah ditawar oleh Bahagian Perumahan:

Keputusan Semakan Kad Pengenalan :  
821210015688 / 821210015688 ( SAKONAH ALWI )

Permohonan anda sedang berada di dalam proses :

**DALAM PROSES TAWARAN**

Jenis Rumah : RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH (MAKSIMA RM72,500 )

Sekiranya anda ingin membuat permohonan baru, sila lengkapkan borang PN2 dan dihantar ke Bahagian Perumahan.

[Klik di sini](#) untuk Muat turun borang PN2.

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.

VII. Pemohon yang telah berjaya memiliki rumah melalui Bahagian Perumahan/ Agensi

▪ Keputusan Semakan Kad Pengenalan :  
590512075296 / 5538154 ( CHNG CHENG LOOI )

Anda telah mempunyai rekod di dalam Pemilik Projek Bahagian Perumahan

Maklumat rekod anda adalah:

Jenis Rumah : RUMAH KOS RENDAH RM42,000

Alamat : G11-9, . . . , 0 DAERAH TIMUR LAUT,

Sekiranya anda ingin membuat permohonan baru, sila lengkapkan borang PN2 dan dihantar ke Bahagian Perumahan.

Klik [di sini](#) untuk Muat turun borang PN2.

Sila klik [di sini](#) untuk kembali.


#### 4.0 PENDAFTARAN ( PEMOHON BARU)

Pemohon baru (data belum direkodkan dalam SMP) adalah pemohon yang belum pernah mendaftar dengan sistem eRumah ini.

- I. Bagi pemohon baru, pengguna hendaklah memasukkan No. KP di ruangan **Pendaftaran/Semak (KP/Status)**. Kemudian klik **Daftar/Semak KP** untuk meneruskan permohonan.



- II. Skrin Semakan Kad Pengenalan akan dipaparkan untuk pemberitahuan bahawa No. KP tersebut belum wujud dan perlu melalui proses daftar. Klik [di sini](#) untuk membuat permohonan baru atau kembali ke skrin utama.



- III. Sebelum dibenarkan ke skrin pendaftaran, pengguna dikehendaki memasukkan terlebih dahulu syarat-syarat awal permohonan. Ini bagi membolehkan hanya data pemohon yang layak sahaja dibenarkan untuk meneruskan permohonan.

IV. Pengguna dikehendaki mengisi kesemua ruangan berikut. Ruangan yang bertanda (\*) wajib diisi oleh pengguna.

**Perhatian! : Pastikan ruangan bertanda \* diisi.**

Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah :

- **KADUN Mengundi**  
Pilih dari senarai. Hanya pengundi berdaftar Pulau Pinang sahaja dibenarkan memohon.
- **Lama Tinggal di Pulau Pinang**  
Pilih dari senarai. Pemohon yang tinggal di Pulau Pinang melebihi 5 tahun sahaja dibenarkan memohon.
- **Taraf Perkahwinan**  
Pilih dari senarai.  
**Nota :** Sekiranya taraf perkahwinan pemohon adalah Kahwin, pemohon perlu melengkapkan No. KP Pasangan, Pekerjaan Pasangan, Gaji Pasangan, Elaun Tetap Bulanan Pasangan dan Pendapatan Lain Pasangan (Jika Ada).

- Jenis Kad Pengenalan**

Sila masukkan No. KP (Polis/Tentera) jika jenis kad pengenalan adalah Polis/Tentera di ruangan (Lama/Polis/Tentera). Masukkan No. KP Lama jika bukan tentera (jika ada).

- Daerah Tempat Tinggal Di P.Pinang**

Pilih dari senarai.

- Pendapatan/Gaji Pokok Bulanan (RM)**

Sila masukkan gaji pemohon. Maklumat gaji ini penting untuk melepassi syarat-syarat awal permohonan. Sila masukkan 0 jika tidak bekerja.

- Elaun Tetap Bulanan**

Sila masukkan elaun tetap bulanan.

- Gaji Lain (Jika Ada)**

Sila masukkan jika pemohon mempunyai pendapatan lain.

V. Skrin di bawah adalah skrin Maklumat Rumah pilihan :

BORANG PERMOHONAN ONLINE - STEP 2 OF 6

Maklumat Rumah & Projek Yang Dipohon

Jenis rumah yang dipilih tidak boleh diubah setelah pengesahan dibuat oleh Bahagian Perumahan. Bagi sebarang pengemaskinian sila isi Borang Kemaskini Maklumat (Borang Kemaskini(PN2)) yang boleh didapati di halaman utama. Borang yang telah lengkap diisi perlu dihantar ke Pejabat Perumahan, Tingkat 20, KOMTAR beserta dokumen yang lengkap.

Kelayakan jenis Rumah yang dipilih adalah bergantung kepada jumlah Pendapatan Maksimum Ibu Rumah :

PPR : RM750.00 (BUJANG) & RM1500.00 (BERKAHWIN)  
 KOS RENDAH : RM2500.00  
 KOS SEDERHANA : RM3500.00  
 MAMPU MILIK 150% : RM6000.00  
 MAMPU MILIK 200% : RM8000.00  
 MAMPU MILIK 300% : RM19000.00  
 MAMPU MILIK 400% : RM20000.00

Harga Rumah Pilihan Pertama \*  
 2-RUMAH KOS RENDAH RM42,000

Harga Rumah Pilihan Kedua  
 3-RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH (MAKSIMA RM72,...)

Harga Rumah Pilihan Ketiga

Daerah Pilihan Pertama \*  
 2-SEBERANG PERAI UTARA

Daerah Pilihan Kedua

KEMBALI SETERUSNYA

- Harga Rumah Pilihan**

Sila pilih dari senarai.

- Daerah Rumah Yang Dipilih**

Sila pilih dari senarai.

Klik **Seterusnya** dan popup mesej akan terpapar memaklumkan pengguna bahawa maklumat yang dimasukkan adalah tetap dan tidak boleh diubah sehingga selesai proses pendaftaran. Klik **OK** untuk ke skrin Maklumat Pemohon atau **Cancel** untuk ke skrin syarat awal permohonan tadi.

## VI. Skrin Borang Permohonan-Maklumat Pemohon perlu dilengkapkan :

**Borang Permohonan Online - STEP 3 OF 6**

1. Semakan Syarat    2. Pilihan Perumahan    **3. Maklumat Pemohon**    4. Maklumat Pasangan    5. Maklumat Tanggungan    6. Maklumat Tambahan

**Maklumat Pemohon**

|  |   |
|--|---|
| Login Id                                       | 821210015688                              |
| Kata Laluan *                                  | *****                                     |
| Kata Laluan (Taip Semula) *                    | *****                                     |
| Soalan Rahsia *                                | 3- NAMA BINATANG PELIHARAAN?<br>Jawapan * |
| Soalan ini diperlukan jika terlupa kata laluan |   |
| Email (jika Ada)                               | penang@penang.gov.my                      |

|                                 |  |
|---------------------------------|--|
| Nama Penuh Pemohon *            | SAKONAH ALWI                                     |
| No. KP Baru                     | 821210015688                                     |
| No. KP Lama                     | 821210015688                                     |
| No Telefon (Rumah)              | 042556666  |
| No Telefon (Bimbit)             | 0195556666                                       |
| No Telefon (Pejabat)            | No Telefon (Pejabat)                             |
| Tarikh Lahir                    | 10    12    1982                                 |
| Alamat Tinggal Sekarang *       | No3<br>LINTANG PEKAKA<br>Alamat Tinggal Sekarang |
| Poskod *                        | 11600    cth : 12345                             |
| Negeri *                        | 8- PULAU PINANG                                  |
| Jantina *                       | 2- PEREMPUAN                                     |
| Keturunan *                     | 1- MELAYU  |
| Tempat Lahir                    | 2- LAIN - LAIN NEGERI                            |
| Taraf Perkahwinan               | 2- KAHWIN  |
| Perajurit/ Bekas Perajurit      | 2- TIDAK   |
| Taraf Kediaman *                | 2- RUMAH/BILIK SEWA                              |
| Adakah OKU                      | 2- TIDAK   |
| No. Kad OKU (jika Ada)          | No. Kad OKU                                      |
| Sebab Kehilangan Tempat Tinggal | 3- TIDAK BERKENAAN                               |

|                             |                         |
|-----------------------------|-------------------------|
| Pekerjaan *                 | 1- KAKITANGAN KERAJANAN |
| Pendapatan/Gaji Bulanan     | 1200.00                 |
| Elaun Tetap Bulanan         | 200.00                  |
| Pendapatan Lain             | 600.00                  |
| Taraf Perkhidmatan *        | 1- SEDANG BERKHIDMAT    |
| Jawatan / Sumber Bantuan *  | PENOLONG PEGAWAI        |
| Nama Majikan / Syarikat *   | PEJABAT SUK             |
| Alamat Majikan / Syarikat * | KOMTAR<br>PULAU PINANG  |
| Alamat Majikan              | ( 40 Aksara Shj )       |

**KEMBALI**    **SETERUSNYA**

- Login ID**

Sistem auto papar Login ID. Login ID adalah ID yang akan digunakan setiap kali ingin log masuk ke sistem eRumah.

- **Kata Laluan**

Kata laluan perlu diisi untuk pemohon melepas skrin login.

- **Kata Laluan (Taip Semula)**

Kata laluan (Taip Semula) bagi memastikan pemohon memasukkan kata laluan dengan betul.

- **Soalan Rahsia**

Soalan Rahsia diperlukan sekiranya pemohon lupa kata laluan. Soalan ini akan ditanya semula pada skrin lupa kata laluan.

- **Jawapan**

Jawapan kepada soalan rahsia. Jawapan ini akan ditanya semula pada skrin lupa katalaluan.

- **Email (Jika Ada)**

Sila isi jika ada.

- **Nama**

Nama penuh pemohon.

- **No. Kad Pengenalan**

Auto papar.

- **No. Telefon (Rumah)**

Sila isi jika ada.

- **No. Telefon (Bimbit)**

Sila isi jika ada.

- **No. Telefon (Pejabat)**

Sila isi jika ada.

- **Tarikh Lahir**

Auto papar. Tarikh lahir dijana dari No. KP Baru pemohon.

- **Alamat**

Alamat tempat tinggal pemohon.

- **Poskod**

Poskod tempat tinggal pemohon.

- **Negeri**

Negeri tempat lahir pemohon.

- **Jantina**  
Jantina pemohon.
- **Bangsa**  
Bangsa pemohon.
- **Tempat Lahir**  
Tempat lahir pemohon.
- **Perajurit**  
Sekiranya pemohon adalah perajurit, klik Ya.
- **Taraf Kediaman**  
Pilih dari senarai.
- **Kecacatan**  
Sila pilih Ya atau Tidak.
- **No. Kad OKU**  
Sila masukkan No. Kad OKU jika kecacatan ‘Ya’
- **Sebab Kehilangan Tempat Tinggal**  
Jika tiada sebab kehilangan, sila pilih tidak berkenaan.
- **Pekerjaan**  
Pekerjaan pemohon.
- **Jawatan / Sumber Bantuan**  
Jawatan yang sedang disandang oleh pemohon. / Sumber Bantuan yang diterima sekeranya penerima bantuan
- **Nama Majikan / Syarikat**  
Sekiranya pemohon bekerja dengan kerajaan atau swasta, sila masukkan nama majikan di ruangan ini. Jika pemohon bekerja sendiri, sila masukkan nama pemohon sendiri di ruangan ini.
- **Alamat Majikan / Syarikat**  
Alamat tempat bekerja pemohon.

**Perhatian! :** [Panduan] adalah informasi yang diletakkan bagi memudahkan pengguna mengisi data perumahan dengan betul. Lalukan kursor pada panduan tersebut untuk paparan mesej.

VII. Skrin Borang Permohonan-Maklumat Pasangan seperti berikut :-

The screenshot shows the fourth step of an online application form titled 'BORANG PERMOHONAN ONLINE - STEP 4 OF 6'. The top navigation bar shows steps 1 through 6: 1. Semakan Syarat (Step 1), 2. Pilihan Perumahan (Step 2), 3. Maklumat Pemohon (Step 3), 4. Maklumat Pasangan (Step 4, currently active), 5. Maklumat Tanggungan, and 6. Maklumat Tambahan.

**Maklumat Pasangan**

Fields filled in the form:

- Nama Penuh Pasangan \*: MOHD ALI SARIFUDIN
- No. KP Lama: MOHD ALI SARIFUDIN
- No. KP Baru: 821210015633
- Tarikh Lahir Pasangan: 10/12/1982
- Pekerjaan Pasangan: 2-KAKITANGAN SWASTA
- Pendapatan/Gaji Bulanan: 500.00
- Elaun Tetap Bulanan: 500.00
- Pendapatan Lain: 300.00
- Taraf Perkhidmatan \*: 1-SEDANG BERKHIDMAT
- Jawatan / Sumber Bantuan \*: PEGAWAI
- Nama Majikan / Syarikat \*: AGILENT (30 Aksara Shj)
- Alamat Majikan / Syarikat \*: BAYAN LEPAS (40 Aksara Shj)
- PULAU PINANG (40 Aksara Shj)
- Alamat Majikan: (40 Aksara Shj)
- Adakah OKU: 2-TIDAK
- No. Kad OKU (Jika Ada): No. Kad OKU

Buttons at the bottom: KEMBALI (Back) and SETERUSNYA (Next Step).

- Nama**  
Nama pasangan
- No. Kad Pengenalan**  
Auto papar
- Tarikh Lahir**  
Auto papar berdasarkan No. KP yang dimasukkan
- Pekerjaan**  
Pekerjaan pasangan
- Pendapatan / Elaun Tetap Bulanan / Pendapatan Lain**  
Auto papar
- Jawatan / Sumber Bantuan**  
Jawatan yang disandang oleh pasangan / Sumber bantuan
- Nama Majikan (Syarikat)**  
Nama majikan di mana pasangan bekerja

- Alamat Majikan (Syarikat)**  
Alamat majikan pasangan
- Maklumat Kecacatan**  
Sila pilih Ya atau Tidak
- No. Kad OKU**  
Sila masukkan No. Kad OKU jika pilih Ya

Setelah selesai kemasukan data, sila klik butang arahan **Seterusnya** untuk meneruskan permohonan. Skrin Maklumat Tanggungan akan dipaparkan.

### VIII. Skrin maklumat tanggungan

| Nama Tanggungan | No KP Lama / Sijil Lahir | No KP Baru   | Tarikh Lahir                           | Gaji                                   | Hubungan   | Tindakan                             |
|-----------------|--------------------------|--------------|--|--|--|--------------------------------------|
| SURIATI         |                          | 911210015676 | 1991-12-10                             | 0                                      | 1) ANAK YANG BERUMUR 18 TAHUN KE BAWAH. BERSEKOLAH | <span style="color: red;">-</span>   |
| Name            | No KP Lama / S           | No KP Baru   | Hari <input type="button" value="▼"/>  | Bulan <input type="button" value="▼"/> | Gaji <input type="button" value="▼"/>              | <span style="color: green;">+</span> |
|                 |                          |              | Tahun <input type="button" value="▼"/> |  |  |                                      |

- Nama**  
Nama pasangan
- No. Kad Pengenalan Lama/Sijil Lahir**  
Sila masukkan no kad pengenalan/sijil lahir
- No. Kad Pengenalan Baru**  
Sila masukkan no kad pengenalan baru
- Tarikh Lahir**  
Auto papar berdasarkan No. KP yang dimasukkan
- Gaji**  
Sila masukkan gaji tanggungan. Masukkan '0' sekiranya tidak bekerja
- Status Tanggungan/ Hubungan**  
Sila pilih dari senarai.



Sila pastikan butang ‘’ ditekan untuk memastikan data disimpan

Setelah selesai kemasukan data, sila klik butang arahan **Seterusnya** untuk meneruskan permohonan. Skrin Maklumat Tambahan akan dipaparkan.

## IX. Skrin maklumat tambahan

| Jenis Kenderaan | Model Kenderaan | Sukatan Silinder (cc) | Tahun Pendaftaran | No Pendaftaran | Tindakan |
|-----------------|-----------------|-----------------------|-------------------|----------------|----------|
| 1) KERETA       | WIRA            | 1500                  | 1999              | PLL100         |          |
|                 | Model Kenderaan | Sukatan Silinder (cc) | Tahun Pendaftaran | No Pendaftaran |          |

- Jenis Kenderaan**

Sila pilih dari senarai.

- Model Kenderaan**

Sila masukkan model kenderaan

- Sukatan Silinder (cc)**

Sila masukkan sukatan silinder kenderaan dalam bentuk CC

- Tahun Pendaftaran**

Sila masukkan tahun pendaftaran kenderaan

- No Pendaftaran**


Sila masukkan no pendaftaran kenderaan



Sila pastikan butang ‘’ ditekan untuk memastikan data disimpan

Setelah selesai kemasukan data dan pasti untuk menghantar pendaftaran, sila klik butang arahan **Hantar** untuk menghantar permohonan.

Notifikasi berikut akan dipaparkan terlebih dahulu sebagai pengesahan permohonan telah dihantar



**Slip Permohonan** akan dipaparkan apabila tekan butang ‘OK’.

#### X. Skrin slip permohonan

**SLIP PERMOHONAN**  
Sistem Maklumat Perumahan Pulau Pinang

Tarikh Daftar : 27/12/2015  
No Rujukan : 2015/ERM/243520  
Nama : SAKONAH ALWI  
Kad Pengenalan : 821210015688  
Jenis Rumah  
Pilihan (1) : RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH (MAKSIMA RM72,500 )  
Pilihan (2) : -  
Pilihan (3) : -  
Daerah Pilihan (1) : DAERAH BARAT DAYA  
Daerah Pilihan (2) : -

**Perhatian**

1. Sila hantarkan dokumen yang diperlukan seperti tertera di para 2 secara pos ke:-

Bahagian Perumahan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 20, 10503 KOMTAR,  
Pulau Pinang.

Slip ini perlu dicetak untuk diserahkan di Bahagian Perumahan.

**Peringatan** adalah makluman kepada pemohon tentang keperluankeperluan dan dokumen sokongan yang perlu dihantar bersama. Slip permohonan ini perlu dicetak untuk disertakan bersama-sama dokumen lain sewaktu menghantar di Kaunter Perumahan.

## XI. Login Pemohon

Setelah selesai menghantar pendaftaran, pemohon boleh login ke dalam sistem untuk melihat status permohonan dari masa ke semasa

Pemohon boleh login ke skrin ini dengan menggunakan ID dan Katalaluan yang telah dicipta sebelum ini:

Daftar masuk - Pemohon & Pemaju

ID Pengguna  
Username is required.


Katalaluan

Login ⊕

Lupa Katalaluan ?  
Tekan [sini](#) untuk reset katalaluan

## 5.0 SEMAKAN

Untuk membuat semakan dari masa ke semasa sebagai pemohon, pemohon perlu login ke dalam sistem berdasarkan maklumat ID dan Katalaluan yang telah dicipta atau yang telah dibekalkan oleh pentadbir:



Setelah login, pemohon akan dipaparkan skrin berikut sebagai laman utama sistem semakan pemohon:

Menu-menu untuk pemohon adalah seperti berikut:

## I. Permohonan

### a. Borang Permohonan

Pada laman ini, pemohon boleh melihat semula maklumat yang telah dimasukkan semasa permohonan dilakukan. Pengemaskinian juga boleh dilakukan terhadap maklumat-maklumat yang tidak melibatkan kelayakan jenis perumahan yang dipohon.

Struktur borang ini adalah bersamaan dengan borang diisi semasa permohonan kali pertama.

b. Slip Permohonan

Sistem juga membenarkan pemohon untuk mencetak semula Slip Permohonan sekiranya rekod ini tiada di dalam simpanan pemohon.

|  |   |
|--|---|
|  | <b>SLIP PERMOHONAN</b><br><b>Sistem Maklumat Perumahan Pulau Pinang</b> |
| <p>Tarikh Daftar : 02/11/2015<br/>No Rujukan :<br/>Nama : CHNG CHENG [REDACTED]<br/>Kad Pengenalan : 59051207 [REDACTED]</p>   |   |
